

DULU



1A

# UKM MARTABAT BAHASA

**DULU & KINI**

**Nor 'Azyikin Mat Hayin**  
azyikin.mat@metro.com.my

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ditubuhkan secara rasmi pada 18 Mei 1970 dengan kampus utamanya di Bandar Baru Bangi, Selangor.

Awal penubuhannya hanyalah kampus sementara di Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

Terdapat juga sebuah hospital pengajar, Pusat Perubatan Universiti

Kebangsaan Malaysia (PPUKM) di Cheras, Kuala Lumpur dan sebuah kampus cawangan juga di Kuala Lumpur.

Sejarah penubuhannya bermula menerusi aspirasi kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak yang mahu memberi peluang kepada pelajar aliran Melayu melanjutkan pengajian ke peringkat universiti.

Pemilihan nama Universiti Kebangsaan dibuat atas dasar beliau mahu memartabatkan

bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu.

Maka bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran di UKM.

Selepas 47 tahun penubuhannya dengan status sebagai universiti pertama menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, UKM tetap berdiri megah dengan misinya.

UKM bertekad menjadi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terkehadapan yang mendahului langkah masyarakat dan

zamanannya bagi membentuk masyarakat dinamik, berilmu serta berakhlak mulia.

Kini UKM berkembang pesat dan mempunyai 11 fakulti, 11 institut, 12 pusat dan sebuah syarikat swasta, UKM Holdings Sendirian Berhad.

UKM yang diterajui Nally Canselornya Profesor Datuk Seri Dr Noor Azlan Ghazali terus cemerlang dengan merangkul pelbagai anugerah sama ada peringkat nasional mahupun antarabangsa termasuk Anugerah Kualiti Perdana


Meriti 2006.

Terbaru, UKM yang juga satu daripada lima Universiti Penyelidikan Malaysia tersenarai dalam satu peratus teratas dalam kalangan 300 universiti terbaik dunia.

Peningkatan itu adalah dalam senarai kedudukan dunia bagi 2017/2018 seperti yang diterbitkan Quacquarelli Symonds (QS).

UKM berada di kedudukan ke-230 dunia lalu peningkatan sebanyak 72 tempat berbanding pada 2016-2017 apabila berada di kedudukan ke-302.

DULU



2A

KINI



2B